

Adapun dalam Taj Al Salatin

Nor Diyana Saupi^{1*} dan Mohammad Fadzeli Jaafar²

¹*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.*

²*Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan penanda wacana adapun yang terdapat di dalam manuskrip Melayu lama Taj Al Salatin hasil karya Bukhari Al Jauhari. Teks ini telah dihasilkan pada abad ke-16 semasa pemerintahan Sultan 'Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1590-1604) dengan tujuan untuk membantu baginda memerintah kerajaan Aceh dengan baik berteraskan ajaran agama Islam. Perbincangan tertumpu kepada penghuraian tentang penggunaan kata wacana adapun yang bertindak sebagai penanda wacana yang hadir di pangkal ayat dan kelas kata yang hadir selepasnya. Analisis makalah ini direalisasikan dengan menggunakan 74 data yang dijana daripada Malay Concordance Project (MCP). Kerangka yang mendasari kajian ini ialah Teori Fungsional-Sistemik sebagaimana yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995). Kajian ini dilihat berpotensi dalam membuka satu lembaran baru kepada penyelidikan dalam struktur nahuan dengan menggunakan data manuskrip Melayu lama.

Kata Kunci: Penanda Wacana, Manuskrip Melayu Lama, *adapun*, Kelas Kata, Adverba.

ABSTRACT

The aim of this paper is to examine the use of adapun as a discourse marker in the old Malay manuscript Taj Al Salatin by Bukhari Al Jauhari. The text was written in the 16th century during the reign of Sultan Alauddin Ri'ayat Shah Sayyid al-Mukammil (1590-1604) in Aceh, as a guide for good governance based on the teachings of Islam. This study focuses on describing the use of the word adapun that acts as a discourse marker and the co-occurring words that follow. 74 occurrences of adapun are obtained from the Malay Concordance Project (MCP) and was analysed by using the Systemic Functional Theory as proposed by Halliday & Hasan (1995). This study contributes to the understanding of the Malay language, particularly by examining old Malay manuscripts and providing room for further research on current changes to the language.

Keywords: Discourse markers, Old Malay Manuscript, *adapun*, Word Class, Adverbs.

PENDAHULUAN

Penanda wacana merupakan aspek terpenting dalam wacana tulisan. Penggunaan penanda wacana yang mendukung fungsi yang tepat akan menghasilkan sebuah penulisan yang baik dan utuh. Pengarang misalnya akan memastikan setiap penanda wacana yang digunakan benar-benar dapat menyampaikan idea yang berkesinambungan di antara ayat dan perenggan. Asmah Haji Omar (1991) memerikan penanda wacana sebagai kata wacana yakni kata hubung yang berfungsi untuk mengaitkan butir-butir wacana supaya keseluruhan teks atau wacana memperlihatkan satu tetenunan. Schiffirin (1987) menyatakan penanda wacana (*markers*) hadir secara berturutan dan berkaitan (*sequentially dependent*) apabila membincangkan tentang definisinya. Thompson (1996) pula berpendapat bahawa penanda wacana boleh hadir secara implisit dan eksplisit. Maksudnya, penanda wacana boleh hadir bukan terhad kepada kata dan

*Koresponden: diyana_saupi@uitm.edu.my

leksikal tertentu sahaja (kata dan frasa namaan khususnya), malah boleh hadir secara luar dari kebiasaan selagi mana masih menunjukkan perpautan. Sanat Md Nasir (2002) telah membincangkan tentang penanda wacana dengan menghuraikan fungsi kata hubung dalam mentautkan ayat semasa dengan ayat sebelumnya. Mohammad Fadzeli Jaafar (2012) menggunakan teks Melayu klasik abad ke-17 dalam usahanya untuk membincangkan tentang penanda wacana berdasarkan fungsinya dalam ayat. Dalam usaha menyambung hasil kajian tersebut, teks *Taj Al Salatin* yang dihasilkan pada abad ke-16 telah digunakan dalam memerikan tentang fungsi penanda wacana *adapun* yang hadir sebagai unsur penegas dalam ayat.

Kajian ini memanfaatkan teks manuskrip Melayu lama, *Taj Al-Salatin* (Mahkota Raja-raja) hasil tulisan Bukhari Al-Jauhari. *Taj Al-Salatin* merupakan sebuah kitab genre ketatanegaraan pertama dalam kesusasteraan Melayu Islam yang membincangkan tentang etika kepimpinan, pengurusan pemerintahan, panduan dan petunjuk kepada pemimpin yang dilihat sangat relevan pada zaman tersebut sehingga kini (Wan Zailan Kamaruddin, 2016). *Taj Al Salatin* ialah sebuah karya bersifat didaktik (karya penasihat khalifah) yang membawa mesej edukatif bertujuan untuk membimbing pemimpin tentang tatacara pemerintahan Islam di samping mengawal raja daripada terus bermaharajalela (Shah Rul Anuar dan Nik Kamal, 2014:4). Menurut Weststeijn (2017), *Taj Al Salatin* merupakan sebuah teks yang menerangkan tentang tanggungjawab dan tugas raja dan pemerintah sebagaimana tajuk itu sendiri iaitu "Mahkota Raja-raja". Teks ini terdiri daripada 222 muka surat dan mengandungi 24 fasal. Sungguhpun di dalam setiap fasal ada diselitkan kisah dan fungsi bahasa naratif namun keseluruhan teks ini bertujuan untuk mengajar dan memberikan panduan kepada setiap yang membacanya.

Kajian ini memfokuskan kepada fungsi kata wacana *adapun* yang hadir di pangkal ayat sebagai penanda wacana. Kajian ini tidak berhajat untuk menyentuh fungsi kata penanda wacana *adapun* dari aspek kebahasaan yang lain kerana berada di luar skop dan batasan perbincangan kajian. Fokus utama kajian ini juga untuk mengiktiraf fungsi utama kata *adapun* dalam teks ini sebagai unsur penegasan dan penekanan kepada ayat dan kelas kata yang mengiringinya. Teks *Taj Al Salatin* ini merupakan sebuah teks yang mengandungi fasal (tatacara). Justeru, fungsi penggunaan kata *adapun* dilihat lebih meluas dan terbuka untuk dibincangkan berbanding fungsi kata *adapun* dalam teks ketatanegaraan dan didaktik yang lain yang sedikit terhad. Ini kerana, teks ketatanegaraan yang lain dihasilkan secara naratif dan fungsi penanda wacana *adapun* dalam teks sedemikian hanya hadir sebagai penambah maklumat (alat perpautan kronologi peristiwa) sahaja. Kajian ini berhasrat untuk (i) menghuraikan fungsi kata penanda wacana *adapun* yang hadir sebagai penegas digunakan dalam teks dan (ii) menjelaskan perkaitan di antara fungsi kehadiran kata penanda wacana *adapun* yang digunakan dalam teks dengan kelas kata yang mengiringinya.

PERBINCANGAN KAJIAN LAMPAU

Kajian tentang manuskrip Melayu lama telah banyak dilakukan dari sudut pandangan kesusasteraan dan kebahasaan. Namun, berdasarkan pengamatan pengkaji, kajian tentang manuskrip Melayu lama juga telah diperluaskan lagi dengan mengupas dan menjelaskan inti pati kandungan teks dari aspek politik Islam. Apa yang menariknya, dalam perbincangan di bawah rumpun ketatanegaraan dan politik Islam, para pengkaji lampau lebih cenderung untuk menggunakan istilah 'kitab' dalam menamakan teks manuskrip Melayu lama. Berbeza dengan dimensi perbincangan kesusasteraan dan kebahasaan, manuskrip Melayu lama dirujuk sebagai 'manuskrip'. Setakat diperhatikan, dari perspektif agama Islam, para pengkaji lampau lebih cenderung untuk melihat *Taj Al Salatin* sebagai sebuah kitab yang membincangkan tentang dakwah (Shah Rul Anuar, 2014), kepimpinan Islam (Shahahir Mohamad Zain, 2013; Shah Rul Anuar, 2012), politik Islam (Jelani Harun, 2017; Wan Zailan Kamaruddin, 2016).

Jelani Harun (2017) menekankan tentang kepentingan kedudukan karya agung (manuskrip Melayu) tentang adab ketatanegaraan dalam memastikan kelestarian cara kepimpinan Islam sepanjang zaman. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menggunakan empat manuskrip Melayu lama, iaitu *Taj Al Salatin*, *Bustanul Salatin* dan dua buah manuskrip *Nasihat Al Muluk*. Melalui kajian dengan menggunakan kitab *Taj Al Salatin*, Shah Rul Anuar dan Nik Kamal (2014) melihat impak dakwah yang terdapat dalam kitab tersebut kepada masyarakat Melayu di Aceh pada abad ke-17. Kaedah kajian ini dilakukan dengan menggunakan metod analisis kandungan dan melihat kitab *Taj Al Salatin* sebagai sebuah kitab yang jelas memberikan impak kepada masyarakat Aceh pada ketika itu. Seterusnya, kajian oleh Shah Rul Anuar (2012) menjelaskan tentang perbandingan di antara tiga karya agung iaitu kitab *Taj Al Salatin*, *Sulalah Salatin* dan *Bustan Al Salatin*. Tujuan perbandingan ini dilakukan ialah untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan idea dan pemikiran politik yang terkandung di dalam ketiga-tiga kitab. Shahahir Mohamad Zain (2013) pula melihat perkembangan teori kepimpinan Islam yang ideal berdasarkan karya dan manuskrip Melayu lama. Tujuan kajian ini secara jelas cuba untuk membincangkan tentang teori kepimpinan Islam yang ideal yang terdapat di dalam karya-karya dan manuskrip Melayu lama termasuk *Taj Al Salatin*. Selanjutnya, kajian Wan Zailan Kamaruddin (2016) bertujuan untuk menerangkan tentang kedudukan dan hubungan di antara raja dan rakyat berdasarkan pemerhatian terhadap kitab *Taj Al Salatin*. Dan hasil dapatan kajian ini membincangkan tentang kepentingan, relevansi dan signifikan kitab *Taj al-Salatin* kepada peradaban dan tamadun Melayu yang sememangnya mempunyai pengaruh tamadun Islam.

Pemerian berkaitan aspek kebahasaan dengan menggunakan ciri-ciri linguistik terhadap manuskrip Melayu lama masih belum banyak dilakukan oleh para sarjana secara terkini sepertimana yang pernah dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1992, 1995), Sato Hirobumi (1997), Adi Yasran & Halimah (2009), Mohammad Fadzeli Jaafar (2012, 2013, 2016). Asmah Haji Omar (1992) menggunakan data manuskrip Melayu lama *Aqaid al-Nasafi* bagi membincangkan tentang struktur bahasa Melayu pada abad ke-16. Dengan menggunakan pendekatan sistemik, kajian ini melihat keseluruhan teks dari segenap aspek morfologi, sintaksis, dan sistem nahu. Seterusnya, Asmah Haji Omar (1995) juga telah menghuraikan tentang aspek kebahasaan klasik Melayu dengan menggunakan pendekatan sistemik. Namun, sedikit berbeza dengan kajian sebelumnya kerana dalam kajian ini, Asmah Haji Omar telah menggunakan empat teks kesusasteraan Melayu Kedah bagi menjelaskan tentang sistem fonologi dan morfonemik, pembentukan kata, penambahan kata, frasa khusus dan penggunaan bahasa untuk menimbulkan humor dan makar (kelakar). Sato Hirobumi (1997) juga turut menggunakan pendekatan sistemik dalam menghuraikan aspek kebahasaan teks manuskrip *Hikayat Hang Tuah*. Perbincangan Sato Hirobumi merangkumi susunan wacana melalui skop maklumat lama dan maklumat baru, kerangka ayat dalam bahasa Melayu, penyusunan ayat yang logik dan seterusnya penggabungan susunan maklumat dan susunan ayat yang logik bagi membentuk wacana yang lengkap. Adi Yasran & Halimah (2009) telah membincangkan tentang aspek fonologi yang terdapat di dalam manuskrip *Undang-Undang Pelabuhan Kedah*. Pemerian ini termasuklah pengaruh dialek, kata pinjaman Sanksrit dan Arab, dan ciri-ciri pentadbiran Islam yang terdapat di dalamnya. Seterusnya, Mohammad Fadzeli Jaafar (2012) melihat komponen tekstual yang terdapat di dalam dalam teks *Umdat al-Muhtajin ila Suluk Maslak al-Mufridin (UMSMM)*. Kajian ini melihat kehadiran kata penanda wacana yang bukan sahaja berfungsi sebagai komponen tekstual yang menghubungkan ayat dalam wacana malahan juga berfungsi sebagai penegas kepada tema ayat. Mohammad Fadzeli Jaafar (2013) seterusnya telah memerikan tentang fungsi penanda wacana dalam teks Melayu lama berunsur sejarah *Hikayat Johor* serta *Hikayat Pahang*. Dua fungsi utama penanda wacana yang ditekankan ialah sebagai pemula peristiwa dan penyambung peristiwa, namun terdapat beberapa fungsi lain juga ditemui iaitu sebagai penegas fakta, penyebab peristiwa, penambah peristiwa dan penanda waktu peristiwa. Meneruskan kajian sebelumnya, Mohammad Fadzeli Jaafar (2016) telah melihat aspek gaya bahasa dalam manuskrip Melayu dengan menggunakan pendekatan stilistik. Data yang digunakan ialah *Hikayat Hang Tuah* dan *Salina*. Kajian ini memfokuskan perbincangan tentang ujaran yang digunakan dalam kedua-dua karya tersebut.

Perbincangan dalam ruang lingkup kesusasteraan terhadap manuskrip Melayu lama telah dijalankan oleh Ayu Nor Azilah Mohamad & Rohaini Amin (2016), Muhammad Haji Salleh & Nor Aziana Mat Lazim (2015), Lokman Abdul Samad (2001), Samsol Morshidi Bujang (2018), Nurul Akmal A. Abdul Ghani (2018), Siti Rabiatal Adawiah Binti Jaafar (2018). Ayu Nor Azilah Mohamad & Rohaini Amin (2016) telah memerikan tentang kepentingan unsur didaktik dan ketatanegaraan melalui watak Isma Yatim dalam manuskrip *Hikayat Isma Yatim*. Kajian ini menceritakan tentang sifat dan tauladan yang baik perlu ditunjukkan oleh seorang raja jelas bagi membentuk figura raja yang sempurna. Muhammad Haji Salleh & Nor Aziana Mat Lazim (2015) telah membincangkan secara ringkas tentang isi dan kandungan tertentu dari dalam hikayat *Sulalat al-Salatin*. Perbincangan ini melibatkan petikan-petikan dari halaman-halaman yang ada dalam manuskrip *Sulalat al-salatin* yang menceritakan tentang watak, peristiwa, menggaris bawah nilai serta unggul manusia Melayu. Seterusnya, Lokman Abdul Samad (2001) menggunakan *Hikayat Hang Tuah* untuk dilihat dari pelbagai aspek kesusteraan. Dalam pemerian kajian ini, manuskrip ini dihuraikan dari aspek bahasa Melayu klasik, karya ini yang dianggap sebagai sebuah karya keramat dan kudus, penjanaan pemikiran berdasarkan imej Hang Tuah dan kehebatan Hang Tuah sebagai lambang jati diri Melayu yang unggul. Samsol Morshidi Bujang (2018) melihat aspek sistem pentadbiran masyarakat di Sarawak berdasarkan manuskrip Melayu Sarawak yang dihasilkan pada abad ke-18 dan abad ke-19. Hasil kajian ini menunjukkan manuskrip Melayu Sarawak melambangkan peradaban dan kebudayaan yang tinggi dalam pensejarahan orang Melayu di Sarawak selain memperlihatkan sudut pandang keperkasaan sesuatu subjek (heroism). Seterusnya, Nurul Akmal A. Abdul Ghani (2018) telah mengkaji manuskrip Melayu lama yang berjudul *Hikayat Dang Suasa* dengan melihat unsur klasik yang terdapat di dalamnya. Walaupun kajian ini menghuraikan dari aspek kebahasaan namun, kajian ini tidak bersifat linguistik. Kajian ini telah menghuraikan ciri-ciri bahasa klasik yang terdapat di dalam karya manuskrip tersebut. Siti Rabiatal Adawiah Binti Jaafar (2018) telah menghuraikan tentang teks *Sulalatus Salatin* dari aspek warisan ketara. Hasil dapatan kajian ini mendapati terdapat dua kategori warisan ketara yang terdapat di dalam teks tersebut, iaitu warisan ketara statik dan warisan ketara mudah alih.

METODOLOGI DAN KERANGKA KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang berbentuk deskriptif. Sebagaimana yang dicadangkan oleh Patton (1990), data kualitatif ini dianalisis dengan menggunakan bahan bertulis sejarah lampau. Perbincangan kajian ini dilakukan dengan menggunakan teks Melayu lama yang dihasilkan pada abad ke-16. Data kajian ini diperolehi daripada Malay Concordance Project (MCP)[†]. Sebanyak 218 kekerapan kata penanda wacana *adapun* telah hadir dalam keseluruhan teks yang dikaji. Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada pemerihalan fungsi kata penanda wacana *adapun* sahaja, maka data kajian ini dipamerkan setakat yang terlibat sahaja, iaitu sebanyak 74 data.

Kajian ini menggunakan kerangka teori yang dicadangkan oleh Halliday dan Hassan (1995). Kerangka ini mengkategorikan perpautan dari dua kategori utama, iaitu (i) perpautan nahuan - rujukan, pengguguran, penggantian dan kata hubung, dan (ii) perpautan melalui leksikal. Kohesi nahuan berfungsi untuk menghubungkan unsur linguistik gramatikal dengan unsur linguistik gramatikal yang lain di antara ayat dengan ayat, dengan menggunakan tautan-tautan yang kohesif dalam sesebuah teks. Manakala melalui leksikal pula memperlihatkan kesinambungan dan perpautan dapat dihasilkan melalui pemilihan perkataan. Hal ini boleh dicapai dengan cara mengulang perkataan atau memilih satu perkataan yang mempunyai kaitan dengan perkataan terdahulu sama ada secara semantik, misalnya kedua-dua perkataan itu adalah bersinonim atau berkolokasi.

[†] Data diperolehi secara atas talian di laman sesawang <http://mcp.anu.edu.au>

Berdasarkan kerangka model yang dicadangkan oleh Halliday dan Hasan (1995) ini, perpautan melalui kata hubung (penanda wacana) telah dibincangkan melalui kategori nahuan. Unsur kata hubung adalah bersifat kohesif secara tidak langsung kerana ianya bukanlah bersifat berhubungan secara anaforik. Kohesi kata hubung tidak terikat kepada kata, frasa kata dalam ayat sebelumnya tetapi hadir dengan fungsi mentautkan makna dan idea secara tautan nahuan, misalnya tentang proses masa dengan penggunaan frasa *kemudian*, *selepas itu*, dan *akhirnya*. Begitu juga tambahan dan pertentangan, seperti penggunaan *dan*, *akan*, *tetapi*, dan *namun*. Perkaitan yang membawa makna sebab dan akibat seperti penggunaan *oleh itu*, *oleh yang demikian*, *akibatnya* dan *kesannya*. Asmah (1986) mendefinisikan kata penghubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Stubbs (1983) juga berpendapat bahawa kata hubung berfungsi untuk menghubungkan kaitkan sesebuah ujaran dengan yang lainnya dan juga berfungsi untuk menandakan sempadan dalam wacana. Penandaan sempadan dalam wacana yang juga dinamakan penanda wacana inilah yang dibincangkan dalam kajian teks *Taj Al Salatin* ini. Fungsi penanda wacana dalam kajian ini dilihat bukan sahaja mendukung makna dan fungsi sebagai penanda sempadan wacana semata, malahan juga turut signifikan dalam membawa unsur penegasan dalam penyampaian maklumat dalam ayat.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penanda wacana *adapun* dalam teks kajian ini diperihalkan berdasarkan fungsi dalam ayat. Kata wacana ini dibincangkan melalui fungsi penegas yang dibawanya berdasarkan kehadiran sebagai (a) *adapun*, dan (b) *adapun+kelas kata*, (c) *adapun+kata adverb*. Perbincangan selanjutnya bahagian ini diteruskan dengan memerihalkan kekerapan kehadiran kata penanda wacana *adapun* dalam teks *Taj Al Salatin* berdasarkan Jadual 1 berikut.

Jadual 1 Kekerapan kata '*adapun*' berdasarkan fungsi

Jenis	Fungsi	Kekerapan	Peratus
<i>Adapun</i>	Perintah		
	• Suruhan	2	2.7 %
	• Harapan	4	5.41 %
<i>Adapun+Kelas kata</i>	Kata Bilangan	23	31.11
	Kata Kerja	25	33.78 %
	Kewujudan	3	4.05 %
	Kata Hubung	1	1.35 %
	Penanda Waktu		
	• Apabila	3	4.05 %
	• Maka	1	1.35 %
<i>Adapun+Kata Adverb</i>	Syarat		
	• Jika	1	1.35 %
	• Jikalau	3	4.05 %
	Kata Bantu	8	9.45 %
Jumlah		74	100%

Jadual 1 menunjukkan kata *adapun* yang digunakan secara serentak dengan kelas kata kerja (*adapun+kata kerja*) hadir dengan kekerapan paling tinggi, iaitu sebanyak 25 kali (33.78%). Manakala yang kedua tertinggi ialah gabungan kata *adapun* bersama kata bilangan (*adapun+kata bilangan*) sebanyak 23 kali (31.11%). Kata *adapun* yang digunakan bersama kata adverb pula mencatatkan jumlah sebanyak 15, iaitu dengan peratusan 20.27%. Kata adverb ini diwakili oleh kata kewujudan (4.05%), syarat (i) *jika* (1.35%), (ii) *jikalau* (4.05%) dan kata bantu iaitu sebanyak 9.45%). Penggunaan kata *adapun+kata perintah* menunjukkan peratusan sebanyak 8.11% yang diwakili oleh kata perintah *suruhan* (2.7%) dan *harapan* (5.41%). Seterusnya kekerapan kata *adapun+penanda waktu* (i) *apabila* sebanyak 4.05%, (ii) *maka*

(1.35%). Kehadiran kata *adapun* bersama kata hubung telah menunjukkan kehadiran yang sedikit iaitu hanya 1 sahaja yang diwakili oleh 1.35% sahaja.

ADAPUN

Penanda wacana *adapun* yang hadir secara berdiri sendiri di pangkal ayat dapat dibuktikan bukan hanya sebagai kata pangkal ayat yang menunjukkan kronologi idea dan perpautan ayat secara koherensi, namun juga boleh berfungsi untuk menerangkan tentang sesuatu topik utama ayat dengan lebih tegas. Ini dapat dilihat melalui peranan kata *adapun* dalam memberi penekanan kepada ayat perintah dalam teks kajian ini.

Penegas Kata Perintah

Mengikut Asmah Haji Omar (2009), kata perintah bermaksud ayat-ayat yang mempunyai ciri-ciri perintah seperti ayat suruhan, ayat permintaan, ayat silaan, ayat ajakan, ayat larangan dan ayat harapan. Dalam teks kajian ini, ayat perintah ditandai dengan kehadiran *adapun+hendaklah* dan *adapun+insya-Allah* yang menunjukkan ciri-ciri ayat suruhan dan ayat harapan.

- i. ***Adapun barang siapa*** mengetahui segala perintah alam ini, ***hendaklah*** ia membaca segala kitab dan surat, dan jika taida ia berbuat itu tiada jua sempurna pengetahuannya dalam segala pekerjaan alam itu. (TS.K 130:7)
- ii. ***Adapun barang sesiapa*** membaca sesuatu fasal yang pertama ini dan ia tahu bacanya dan mengerti segala katanya dan dalam pengetahuan itulah usahanya ***insya-Allah Ta'ala dengan kurnia Tuhan sarwa sekelian alam*** pintu makrifat itu terbukalah dan jadilah arif namanya dan mngenal jua adanya, dan mengetahui Tuhan itu Yang Maha Besar kuasanya-Nya. (TS.K 24:32)

Kehadiran kata *adapun* dapat dikesan sebelum frasa *barang siapa* dan *barang sesiapa* bagi menunjukkan fungsi penanda wacana tersebut sebagai penegas kepada sebarang bentuk ayat perintah. Data (1) menunjukkan penggunaan ciri-ciri ayat suruhan dengan kehadiran kata bantu modaliti+partikel (*hendak+lah*) dalam klausa berikutnya. Fungsi *adapun* sebagai penegas dalam ayat tersebut dilihat sangat perlu bagi memberi penekanan terhadap idea utama ayat, iaitu menyuruh sesiapa sahaja yang ingin mempunyai ilmu pengetahuan yang sempurna tentang alam ini, seharusnya turut membaca dan meneliti kitab lain sebagai panduan. Manakala data (2) pula menunjukkan ciri-ciri ayat harapan. Melalui kata *insya-Allah* yang bermaksud *dengan izin Allah*, menunjukkan fungsi yang sama dengan kata-kata harapan seperti *moga-moga*, *semoga* dan *mudah-mudahan*. Fungsi penanda wacana *adapun* dalam ayat ini dilihat begitu signifikan bagi menunjukkan penekanan dan penegasan terhadap idea utama ayat tersebut yang mengandungi harapan.

'ADAPUN'+KELAS KATA

Dalam perbincangan bahagian ini, dijelaskan kehadiran kata *adapun* yang hadir secara serentak dengan kelas kata (i) kata bilangan, (ii) kata kerja, (iii) kata hubung, (iv) kata penanda waktu, dan (v) kewujudan.

Penegas Kata Bilangan (*adapun+kata bilangan*)

Asmah Haji Omar (1991) telah membincang tentang kata bilangan dalam bahasa Melayu yang hadir dalam teks yang dihasilkan pada abad keenam belas, iaitu *Aqa'id Al-Nasafi*. Menurut beliau, kata bilangan boleh hadir dengan tiga awalan, iaitu *se-*, *ke-*, dan *ber-*. Dalam teks *Taj Al*

Salatin ini hanya dapat ditemui kata bilangan yang hadir dengan imbuhan awalan *se-* dan *ke-* sahaja.

- iii. ***Adapun ketiga*** perkara kenal itu yang dengan ilmu hukumat, demikianlah yang segala hakim itu mengenal akan segala manusia dengan alam hukumat itu dan mengetahui keadaan segala manusia itu betapa dan perinya apa. (TS.K 173:12).
- iv. ***Adapun segala*** perkataan, isi kitab ini yang mula dan indah daripada pihak ghaib datang ke dalam khalwat hati. (TS.K 6:3)
- v. ***Adapun seperkara*** itu, yang pada antara raja dan pada antara segala manusia adanya itu pun dua perkara jua adanya. (TS.K 62:17)

Kehadiran penanda wacana *adapun* sebelum kata bilangan menunjukkan kekerapan sebanyak 23 kali. Berdasarkan analisis, kata *adapun* yang dimanfaatkan dalam data (3)–(5) menunjukkan ciri penegasan terhadap kata bilangan, sama ada berjumlah tepat mahupun sebaliknya. Dalam teks ini, *adapun* hadir serentak bersama kata bilangan dilihat mendukung makna yang sama dengan kata penegas *sebenarnya* kepada topik ayat tersebut. Dalam data (3), penanda wacana *adapun* mempunyai maksud yang sama dengan kata penegas *sebenarnya ketiga perkara kenal itu yang dengan ilmu hukumat*. Begitu juga dengan ayat berikutnya (4) *sebenarnya segala perkataan, isi kitab ini yang mula dan indah daripada pihak ghaib*, (5) *sebenarnya seperkara itu, yang pada antara raja dan pada antara segala manusia*. Penggunaan penanda wacana *adapun* sebelum kata bilangan ini menunjukkan unsur penekanan kepada jumlah atau bilangan yang sebenar-benarnya ingin disampaikan oleh teks ini. Dikatakan sedemikian kerana bahasa Melayu pada abad ke-16 sehingga abad ke-20 tidak menggunakan kata penegas *sebenarnya* yang digunakan di pangkal ayat sebagai penanda wacana berbanding bahasa Melayu pada masa kini. Ini dibuktikan dengan hasil penelitian terhadap beberapa teks Melayu klasik seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Hang Tuah* dan *Aqa'id Al Nasafi*.

Penegas Kata Kerja (*adapun+kata kerja*)

Penanda wacana digunakan kerana berfungsi untuk menambah maklumat topik yang telah disebut sebelumnya. Walau bagaimanapun, kehadiran kata penanda wacana *adapun* secara serentak bersama kata kerja juga turut berfungsi untuk memberikan penegasan. Hal ini dibincangkan melalui dua fungsi. Yang pertama, melibatkan persamaan fungsi kata *adapun* dengan kata penanda masa dan keadaan, iaitu *maka*. Menurut Asmah Haji Omar (1995), *maka* merujuk kepada rentetan dua kejadian yang berlaku, yang satu selepas yang lain. Yang kedua, fungsi kata *adapun* boleh dikatakan menunjukkan persamaan dengan kata sesungguhnya. Kata sesungguhnya merupakan kata penegas yang memberikan penekanan kepada topik ayat.

- vi. ***Adapun diceriterakan*** dalam kitab Akhbar al-Muluk bahawa Allah Subhanahu wa Ta'ala memberikan kebesaran itu akan Sultan Iskandar Zulkarnain daipada tiga perkara perinya itu (TS.K 187:24)
- vii. ***Adapun aniaya*** itu, tiada diperkenankan segala raja dalam agamanya dan pada zaman mereka itu sekalian adil dan Makmur dan penuh daripada manusia seperti buah delima penuh dengan isinya itu; ... (TS.K 98:19)
- viii. ***Adapun pesan*** yang pertama, iaitu akan segala raja-raja itulah bahawa barang siapa daripada segala raja-raja itu yang ada mendapatkan kitab ini hendaklah dimuliakan dan mengetahui dia bahawa kitab inilah tanda kurnia Allah Ta'ala padanya akan kebajikan dunia dan akhirat kerana diceritakan dalam kitab hadith sabda Nabi Muhammad Rasulullah SAW (TS.K 214:10)
- ix. ***Adapun pohon*** kerajaan dan kebesaran dengan kebenaran budi dan bicara raja itu dan pohon kebenaran raja dengan kebenaran lidah dan kata pesuruh itulah kerana pesuruh barang yang dikata daripada lidah rajanya itulah berkata dan jawab pada perkataan ia membawakan kepada telinga raja itu dengan sebenarnya jua. (TS.K 134:6)

- x. **Adapun puji** itu adalah terbanyak daripada segala manusia pada zaman ini tiada ada di luar daripada tiga perkara itu atau daripada takut atau daripada kerana muka atau kerana tamak. (TS.K 89:6)

Dalam data (9), penggunaan kata penanda wacana *adapun* dan kata kerja *diceritakan* menunjukkan fungsi penegasan yang membawa makna *maka*. Kata *adapun* dimanfaatkan bagi memberikan penekanan kepada kata kerja yang menyusulinya selepas itu. Manakala, data (10) menunjukkan fungsi kata *adapun* yang menegaskan tentang kepentingan topik ayat, iaitu kata kerja *aniaya* yang hadir serentak selepasnya. Begitu juga halnya dengan ayat-ayat berikutnya, iaitu *adapun+pesan* yang menegaskan tentang kata kerja *pesan*, *aniaya+pohon* yang menegaskan tentang kata kerja *pohon* (meminta) dan *aniaya+puji* yang menegaskan tentang kata kerja *puji*. Penegasan ini sangat signifikan dalam konteks ayat-ayat yang dibincangkan kerana menekankan tentang kepentingan kata kerja yang mengikutinya.

Penegas Kewujudan (*adapun+ada*)

Penanda wacana *adapun+ada* hanya hadir sebanyak tiga kali sahaja dalam teks ini. Berdasarkan hasil analisis, gabungan kata *adapun* dan kata kerja *ada* (*adapun+ada*) yang hadir secara serentak telah memberikan satu fungsi makna yang baharu iaitu sebagai penegas kepada kewujudan. Walaupun kata *ada* merujuk kepada kata kerja namun dalam kajian ini, perbincangan dilakukan secara berasingan.

- xi. **Adapun ada** di sana sebuah rumah perempuan tua dan seorang pun tiada daripada kaum keluarganya yang dapat menaung dia dalam kesukaran itu dan ia pun dengan tuanya. (TS.K 106:19)
- xii. **Adapun ada** suatu hari Khasru itu duduk di atas mahligai serta isterinya (TS.K 154:1)
- xiii. **Adapun adamu** itu sebagai suatu manikam jua tetapi kemuliaan manikam itu nyata daripada cahaya yang ada sertanya tetapi kami tiada dapat mengatakan cahaya itu. (TS.K 15:18)

Teks ini menunjukkan pola penggunaan kata penanda wacana *adapun* sebagai unsur penegas kepada leksikal *ada* dalam tiga konteks yang berbeza, iaitu tempat, masa dan keadaan. Misalnya dalam data (11), *adapun* hadir untuk memberikan penegasan kepada kewujudan sebuah rumah yang didiami oleh seorang perempuan tua. Manakala penekanan terhadap kewujudan masa digunakan melalui data (12) *adapun ada suatu hari*, dan kewujudan keadaan melalui data (13) *adapun adamu itu sebagai suatu manikam jua*.

Penegas Kata Hubung (*adapun+bahawa*)

Sungguhpun penanda wacana *adapun+bahawa* hanya hadir sebanyak satu kali sahaja dalam teks ini, namun perbincangan ini dilanjutkan kerana fungsi kata *adapun* yang digunakan berturutan dengan kata hubung *bahawa* yang juga berunsur penegas. Menurut Sato Hirobumi (1997) melalui teks *Hikayat Hang Tuah* dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2012) berdasarkan teks abad ke-17 yang dikaji, kata penanda wacana *adapun* mempunyai persamaan fungsi dengan kata *bahawa* dan boleh dihadirkan secara salah satu. Namun, teks ini menunjukkan penggunaan yang sebaliknya.

- xiv. **Adapun bahawa** raja yang adil itu tiada dapat ia membesarkan dirinya kerana orang yang membesarkan diri itu daripada tanda murka Tuhan Yang Maha Tinggi akan dia dan kelakuan mereka itu menghilangkan budi manusia. (TS.K 86:10)

Fungsi kata *adapun* dalam teks ini yang hadir secara serentak dengan kata hubung *bahawa* secara jelas menunjukkan unsur penegasan kepada kata hubung tersebut. Unsur penegasan ini

tidak dianggap sebagai bersifat lewah kerana kehadiran kata *adapun* dalam ayat (17) ini, bertujuan untuk menegaskan tema dan topik utama ayat dalam klausa pertama.

Penegas Waktu (*adapun+penanda waktu*)

Asmah Haji Omar (1995) dan Sato Hirobumi (1997) telah membincangkan tentang penanda waktu dan penanda masa dalam kajian mereka. Kata *adapun+apabila* yang hadir secara serentak dalam teks ini telah menunjukkan gaya dan cara penulisan yang sama dengan karya teks klasik yang sezamannya. Namun, yang menariknya dalam teks ini, telah hadir kata penanda wacana *adapun* yang hadir berturutan dengan kata *maka*. Hollander (1882) berpendapat bahawa kata *adapun* tidak boleh hadir sebagai rujukan waktu. Hal ini turut dipersetujui oleh Sato Hirobumi (1997) yang turut menyatakan kata *adapun* tidak boleh dianggap sebagai penanda masa dan waktu. Sungguhpun, kajian-kajian yang dilakukan oleh kedua sarjana ini bukanlah bersifat menyeluruh kepada semua karya teks Melayu Klasik, namun melalui pemerhatian terhadap teks ini, pendapat keduanya dapat dibuktikan dengan lebih kukuh lagi.

- xv. ***Adapun apabila*** sudah tiga hari lalu dan pada malam keempatnya, sampai, maka Sultan Ziad pun aniklah ke atas kudanya serta berapa orang berjalan pada antara negeri. (TS.K 84:10)
- xvi. ***Adapun apabila*** sudah dengan kurnia Tuhan kenallah adamu dan Tuhanmu yang menerbitkan nyawamu. (TS.K 31:36 .)
- xvii. ***Adapun maka*** ditanyakan seorang daripada hadhrat Nabi alaihissalam. (TS.K 86:36)

Melalui data (18), kata penanda wacana *adapun* telah hadir secara serentak dengan penanda waktu *apabila* (*adapun+apabila*). Walaupun secara dasarnya, dalam konteks ayat tersebut boleh disamakan dengan kata *adapun* dengan penanda waktu *kemudian*, namun kehadiran *adapun* dalam ayat tersebut lebih mendukung fungsi penegasan kepada penanda waktu. Kata penanda waktu *apabila* yang berfungsi sebagai topik utama ayat telah diberikan penekanan dan penegasan yang jelas apabila hadir selepas kata *adapun*. Hal yang sama juga berlaku pada data (20) apabila kata *adapun* turut hadir sebagai unsur penegas dan penekanan kepada penanda waktu *maka*. Asmah Haji Omar (1991) menjelaskan bahawa kata *maka* hadir sebagai penanda waktu bagi menunjukkan peralihan peristiwa yang membawa dua makna, iaitu *kemudian* dan *lalu*. Dalam konteks ayat ini, kata *maka* yang berfungsi sebagai topik ayat boleh disamakan dengan kata *lalu* dan *adapun* berfungsi untuk menegaskan topik ayat tersebut.

ADAPUN+KATA ADVERBA

Pemerian bahagian ini dibincangkan berdasarkan fungsi kata *adapun* yang hadir secara berturutan dengan kata adverba yang menunjukkan (i) syarat dan (ii) kata bantu.

Penegas Syarat (*adapun+syarat/andaian*)

Kehadiran kata penanda wacana *adapun* dan kata syarat *jika* dan *jikalau* tidak menunjukkan jumlah yang tinggi. Berdasarkan teks ini, hanya sekali sahaja *adapun+jika* hadir manakala *adapun+jikalau* hadir dengan kekerapan hanya tiga kali. Asmah Haji Omar (1995) mengkategorikan *jika* dan *jikalau* sebagai kata hubung andaian.

- xviii. ***Adapun jika*** seseorang bertanya berapa peri dan kerja kerajaan segala raja-raja Yamung namanya dan apa berhalanya bahawa empat ribu tahun mengerjakan kerajaan itu dengan sentosanya beta perinya dan peri benar itu. (TS.K 98:33)
- xix. ***Adapun jikalau*** dilihat segala rakyat itu rajanya jahil dan zalim menganiayai atas segala rakyat, maka raja itu tanda murka Allah Ta'ala jua akan segala rakyat haruslah mereka itu takut daripada murka Allah Ta'ala... (TS.K 219:12)

- xx. **Adapun jikalau** orang banyak itu mendapatkan barang yang dianugerahkan itu maka samalah dengan hamba mendapatkan orang yang memberi anugerah itu kerana jikalau orang banyak itu mendapat permata maka hamba mendapatkan yang empunya permata... (TS.K 145:19)

Dalam teks *Taj Al Salatin* ini, kehadiran *adapun* di pangkal ayat menunjukkan fungsinya sebagai unsur penegasan kepada topik ayat yang bertujuan untuk menambah maklumat topik yang telah disebut sebelumnya. Kata *adapun* dalam konteks ayat (14) boleh disamakan dengan kata penegas *bahawa sesungguhnya*. Menurut Sato Hirobumi (1997), kata penghubung *bahawa* boleh hadir sebagai penegas kepada judul ayat. Walaupun pada hemat beliau, unsur penegasan ini tidaklah bersifat keras, namun sekiranya digunakan secara berturutan dengan kata *sesungguhnya* akan menunjukkan penekanan yang kuat terhadap topik ayat. Fungsi inilah yang didukung oleh kata *adapun* yang hadir bukan hanya sekadar kata penanda wacana di pangkal ayat, malah turut berfungsi sebagai kata penegas yang kuat kepada topik ayat.

Penegas Kata Bantu (*adapun+akan*)

Pemerian tentang penggunaan kata *adapun* yang hadir secara serentak dengan kata *akan* telah dibincangkan secara terperinci oleh Sato Hirobumi (1997) melalui pemanfaatan teks yang berbeza dengan teks ini. Hasil perbincangan beliau menunjukkan gabungan kata *adapun+akan* membawa makna 'mengenai'. Dalam *Taj Al Salatin*, kekerapan kehadiran kata *adapun* yang hadir secara serentak dengan kata *akan* ialah sebanyak tujuh kali.

- xxi. **Adapun akan** badui itu tiada pernah ia melihat dan tiada pernah orang berjanii dengan dia. (TS.K 203:30)
- xxii. **Adapun akan** ikan itu bukan ia jantan dan bukan betina tetapi adalah khuntha. (TS.K 154:34)
- xxiii. **Adapun akan** dua ratus ribu tahlil yang dijanjikan dengan labanya empat ratus ribu tahlil berapa adanya itu yang menyebutkan dia pada hadapan kami dan mengira-ngira banyaknya itu kepada kami. (TS.K 152:11)
- xxiv. **Adapun akan** harga pahala suatu haji itu erti sekalian dunia ini harganya. (TS.K 65:29)

Hasil penelitian, gabungan kedua kata *adapun+akan* yang hadir secara serentak ini berfungsi untuk mengukuhkan topik utama ayat. Kata *adapun* hadir sebagai unsur penekanan kepada tema ayat (21) yang terdiri daripada binaan frasa nama. Seterusnya data (22) juga memanfaatkan fungsi kata *adapun* sebagai penegas kepada topik utama ayat, iaitu frasa nama. Teks ini juga menunjukkan bahawa kata *adapun* turut digunakan di hadapan topik utama ayat yang terdiri daripada kata bilangan dan nilai dengan tegas. Berdasarkan data (23), kata *adapun* berfungsi untuk memberi pernyataan yang tegas kepada topik ayat yang hadir selepasnya, iaitu *dua ratus ribu tahlil*. Ayat seterusnya pula menggunakan kata *adapun* sebagai penegas kepada topik ayat yang mengisahkan tentang nilai pahala mengerjakan ibadah haji kepada hamba Allah.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan tentang fungsi penegasan dan penekanan yang dibawa oleh kata penanda wacana *adapun* yang hadir di pangkal ayat. Hasil dapatan kajian ini ialah:

- Kata penanda wacana *adapun* mendukung fungsi yang lebih daripada sekadar alat perpautan di antara ayat sebelum dan selepasnya.
- Kata penanda wacana *adapun* hadir dengan fungsi penegas kepada topik utama ayat bagi memberikan kesan yang lebih mendalam kepada pembaca. Hal ini kerana teks ini merupakan teks tatacara dan seharusnya bersifat tegas.

- Kata penanda wacana *adapun* boleh hadir sebagai penegas tanpa mengira kata dan frasa yang mengiringinya selepas itu. Maksudnya, kata wacana *adapun* bersifat fleksibel dan boleh digandingkan dengan pelbagai kelas kata bagi mendukung fungsi penegasan dan penekanan.

Kata penanda wacana *adapun* merupakan kata arkaik yakni tidak digunakan lagi dalam mana-mana teks bahasa Melayu moden, namun, melalui kata *adapun* ini, kajian ini diharapkan telah membuka ruang untuk perbincangan lanjut tentang fungsi kata penanda wacana arkaik yang lain dalam bahasa Melayu klasik sekali gus membuktikan bahawa bahasa Melayu klasik sebenarnya kaya dengan kata penanda wacana yang hadir dengan pelbagai fungsi.

RUJUKAN

- Adi Yasran Abdul Aziz & Halimah Hassan. (2009). Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa dalam Manuskrip Undang-Undang Pelabuhan Kedah. *Jurnal ASWARA*, Jilid 4. Bilangan 2 (129-139). Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Bahasa Melayu Abad Ke 16: Satu Analisis Berdasarkan Teks Melayu Aqa'id al-Nasafi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar. (1995). *Bahasa kesusasteraan klasik Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayu Nor Azilah Mohamad & Rohaini Amin. (2016). Didaktik dan ketatanegaraan dalam Hikayat Isma Yatim. Special Issue 3 (November 2016) 081-099, *Jurnal e-Bangi*. Bangi: UKM
- Halliday, M. A. K & Hasan, R. (1976). *Cohesion in English*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Halliday, M. A. K & Hasan, R. (1995). *Cohesion in English*. London: Longman.
- Jelani Harun. (2017). Kedudukan istimewa karya agung adab ketatanegaraan kesultanan Aceh Darussalam dalam sejarah persuratan Melayu. Vol 10. No 2 (139-162), *MELAYU: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Khalid Hussain. (1966). *Taj us-salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lokman Abdul Samad. (2001). *Hikayat Hang Tuah: satu perbincangan karya agung dari pelbagai aspek*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2012). Analisis Komponen Tekstual Dalam Teks Melayu Klasik Abad Ke-17. *Jurnal Bahasa*. Vol 12, No. 2 (163 – 180). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2013). Penanda wacana dalam teks Melayu lama berunsur sejarah. *Jurnal Bahasa*. Vol. 13, No. 2 (243-258). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2016). Gaya ujaran dalam teks kesusasteraan Melayu. *Jurnal Komunikasi*, Jilid 32 (2) 2016: 341-361. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Haji Salleh & Nor Aziana Mat Lazim. (2015). *Bingkisan bijaksana Sulalast al-Salatin (sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Akmal A. Abdul Ghani. (2018). Analisis bahasa Hikayat Dang Suasa (Bilangan 1). *Kertas kerja dalam Prosiding Persidangan Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods (2nd ed.)*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc.
- Shah Rul Anuar Nordin & Nik Kamal Wan Mohamed. (2014). Impak Dakwah Kitab Taj al-Salatin kepada Masyarakat Melayu di Aceh. *Kertas kerja di Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Samsol Morshidi Bujang. (2018). Sistem pentadbiran masyarakat Melayu Sarawak dalam kajian manuskrip Melayu tradisional. *Kertas kerja dalam Prosiding Persidangan Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sato Hirobumi. (1997). *Analisis nahu wacana bahasa melayu klasik berdasarkan teks Hikayat Hang Tuah: suatu pandangan dari sudut linguistik struktural-fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse analysis: the sociolinguistic analysis of natural language*. Chicago IL: The University of Chicago Press.
- Schiffrin, D. (1987). *Discourse markers*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Siti Rabiatal Adawiah Jaafar. (2018). Warisan ketara statik dalam teks Sulalatus Salatin. *Kertas kerja dalam Prosiding Persidangan Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu 2018*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Thompson, G. (1996). *Discourse Analysis*. London: Oxford University Press.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali. (2016). Hubungan Raja dengan Rakyat: Suatu Telaah Terhadap Taj al-Salatin Dari Perspektif Pemikiran Islam. *Kertas kerja Seminar Peradaban Melayu: Rakyat, Raja dan Kerajaan*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Weststeijn, A. (2017). *Provincializing Grotius: International Law and Empire in a Seventeenth-Century Malay Mirror*. (Editor: Martti Koskenniemi, Walter Rech, Manuel Jiménez Fonseca). *International Law and Empire: Historical Explorations*. United Kingdom: Oxford University Press.
- Malay Concordance Project. Dicapai pada 20 Februari 2019 daripada <http://mcp.anu.edu.au>.